

25hb September 2006

Y.B.M. Tunku Abdul Jalil ibni Tunku Osman
Istana Bukit Gedong
Jalan Abdul Samad
80100 Johor Bahru

Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Jalil

Assalamualaikum wbt,

MESYUARAT PENGURUSAN SACC

Merujuk kepada perkara di atas.

Patik ingin memaklumkan bagi memenuhi arahan YBM Tunku, pihak pengurusan SACC telah mengadakan satu mesyuarat pengurusan pada 20hb September 2006 bertempat di Residence Hotel at Universiti Tenaga Nasional, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Patik selaku penasihat SACC telah mempengerusikan mesyuarat tersebut dan dihadiri oleh seramai 10 orang anggota SA1. Untuk makluman YBM Tunku, mesyuarat telah mencapai keputusan secara majoriti seperti yang berikut:

1. SACC dibubarkan dengan serta-merta bagi menamatkan kekalutan yang berlaku.
2. Kesemua ahli SACC adalah dilarang menggunakan frekuensi 143.800 Mhz dan 139.200 Mhz melalui repeater atau simplex.
3. Hak frekuensi 143.800 Mhz dan 139.200 Mhz adalah kekal menjadi hak mutlak kepada SACC Shooting Sports & Adventures Management.
4. Segala asset SACC akan dinilai seterusnya dijual atau dilelong. Wang dari hasil jualan asset akan digunakan untuk melangsaikan liabiliti yang ditanggung oleh SACC. Sekiranya terdapat lebihan dari wang tersebut, ianya akan dikembalikan sama rata kepada semua ahli SA1.
5. Bagi 3 ahli baru SA3 yang mendaftar pada bulan September 2006, wang yuran keahlian sebanyak RM 400.00/seorang akan dikembalikan sepenuhnya.
6. Pemegang amanah kepada semua asset dan liabiliti SACC adalah SA3-RJ, Rohaizi Md Hussin @ Man Belon.

7. Segala tuntutan pemiutang atau penghutang hendaklah dibuat dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pembubaran SACC.
8. Satu mesyuarat akhir akan dibuat dalam tempoh 1 bulan bagi menutup akaun, pembahagian keuntungan atau laba dan pembubaran rasmi SA1 sebagai pihak pengurusan SACC.
9. Keseluruhan pihak pengurusan SACC bertanggungjawab menyampaikan maklumat yang tepat kepada semua ahli-ahli SACC dan tidak lagi mempertikaikan sebarang keputusan, tindakan dan pentadbiran secara langsung atau secara tidak langsung sama ada dimana-mana jaluran atau secara terus berkuatkuasa dengan serta-merta.

Patik bagi pihak pengurusan SACC ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami kepada YBM Tunku atas segala kerjasama, nasihat dan bimbingan YBM Tunku kepada kami selama ini.

Segala usaha yang dilakukan SACC selama ini telah berjaya melahirkan ramai penggiat radio amatir berkualiti khususnya di Lembah Kelang. Adalah diharapkan pihak YBM Tunku terus memberikan sokongan dan tunjuk ajar bagi memaju dan mempopularkan radio amatir dipersada komunikasi tanahair.

Sekian, terima kasih.

SHAH ALAM COMMUNICATION CLUB



Abdul Hamid bin Sulaiman
Penasihat

s.k. Semua ahli pengurusan SACC

**CATITAN PEMBUBARAN SACC OLEH SA3-RJ
BERDASARKAN UNDI BAGI PENUTUPAN SACC
(Sebagai pemerhati)**



Keputusan Pengundian Penutupan SACC / ringkasan undian

KO	- sacc perlu ditutup kerana sa3 dan sa1 tidak perlu ada perbezaan. Tidak ada perkara yang boleh diselesaikan.	TUTUP
HR	- Tutup	TUTUP
TJ	- Perlu diternakan dengan pengurusan yang lebih telus dan standard operating procedure yang lebih mantap	TERUS
BC	- Tutup	TUTUP
SR	- Tutup	TUTUP
ZA	- Nak ternakan sacc	TERUS
ML	- Tutup	TUTUP
GT	- Berkecuali	KECUALI
IY	- Menghargai sacc dan akan terus mahu untuk memajukan sacc	TERUS
TA	- Tidak dapat menyelesaikan perkara - perkara yang berbangkit maka harus sacc ditutup	TUTUP
TU	- Terlalu banyak mesyuarat kecil selepas mesyuarat maka tiada persefahaman yang dapat dijalin maka sacc perlu ditutup	TUTUP